

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH

KAWASAN : PUTATAN

TARIKH : 23 FEBRUARI 2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 139

YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berikutan dengan keputusan untuk Kerajaan menaikkan levi ke atas pekerja asing dalam sektor pembuatan berkuatkuasa pada 01 Februari 2016:-

- (a) impak kepada industri yang terlibat; dan
- (b) impak kenaikan kos kepada industri yang terlibat yang mungkin disalurkan kepada rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan kadar levi pekerja asing untuk semua sektor yang dijadualkan berkuatkuasa pada 01 Februari 2016. Walau bagaimanapun, pada 11 Februari 2016, YAB Timbalan Perdana Menteri telah

mengumumkan penangguhan pelaksanaan kadar baharu levi supaya Kerajaan dapat mengkaji semula sistem levi tersebut. Pengumuman tersebut disusuli dengan pengumuman penangguhan pengambilan semua pekerja asing oleh Kerajaan pada 19 Februari 2016.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan penangguhan pengambilan pekerja asing adalah bertujuan supaya Kerajaan dapat mengenal pasti keperluan sebenar tenaga kerja asing sepertimana yang diperlukan oleh industri-industri di negara ini. Di samping itu, ia bertujuan untuk memberi peluang kepada majikan menggaji rakyat tempatan di sektor-sektor yang didominasi oleh pekerja asing. Berikutan penangguhan kadar levi baharu serta pengambilan pekerja asing, impak berkaitan kenaikan kadar levi hanya dapat dianalisis selepas kadar levi baharu dilaksanakan.